



**SEBAHAGIAN** daripada para pemenang gembira selepas menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-4 di Dataran Pahlawan Melaka, baru-baru ini. - FOTO/IHSAN UTHM

## 574 sertai Kejohanan Pencak Silat Piala Timbalan Perdana Menteri

JOHOR BAHRU 22 Okt. - Seramai 574 peserta dari 41 universiti tempatan dan luar negara menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Keempat yang diadakan Dataran Pahlawan Melaka, baru-baru ini.

Kejohanan tersebut merupakan anjuran bersama Kementerian Pendidikan dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan ker-

jasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

Pengurus Sukan UTHM, Azli Puddin berkata, antara negara luar yang menghantar penyertaan adalah Thailand, Vietnam, Singapura, Brunei, Indonesia, Yaman dan Bangladesh.

"Kejohanan ini bertujuan memupuk nilai-nilai jati diri generasi muda ke arah penghayatan waja diri sebagai pembinaan sahsiah individu.

"Program ini juga merupakan medium bagi penambahbaikan dari segi pembangunan sukan pencak silat dan menyambung tradisi Melayu," katanya.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan, antaranya Silat Olahraga Putera dan Puteri, Silat Seni Putera dan Puteri (Jurus Tunggal, Jurus Ganda, Jurus Regu dan Solo Kreatif) dan Silat Olahraga Remaja Putera dan Puteri.

Azli berkata, warisan seni silat bukan sahaja mempengaruhi pembentukan sosiobudaya hidup masyarakat Melayu hari ini, malah sinonim dengan nilai-nilai murni seperti disiplin, hormat kepada pemimpin selain membina keyakinan diri.

"Pertandingan tersebut juga menjadi salah satu wadah perkongsian ilmu pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan pengalaman semua pihak yang terbabit," katanya.